

Pelajar2 tingkatan

1 - 5

belum

layak

pelajari

munakahat

KUALA LUMPUR, 16 APRIL 1975.

Selasa. — Pelajar-pelajar tingkatan satu hingga lima belum lagi matang

dan layak mempelajari perkara-perkara nikah-kahwin (manakahat) dan ilmu perniagaan (muamalat).

"Sebab itu Kerajaan tidak memasuki kedua-dua perkara tersebut dalam sukatan pelajaran Agama Islam bagi sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan bagi peringkat tersebut," kata Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed.

Beliau telah menjawab soalan Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussein di Dewan Negara petang ini.

Katanya: "Pelajar-pelajar peringkat ini belum layak untuk mempelajari perkara-perkara tersebut sehinggalah mereka difikirkan lebih matang.

"Kedua-dua pengalihan itu juga akan menambahkan berat kepada murid-murid yang beragama Islam kecuali mereka yang disediakan untuk menjadi bakal

guru agama.

Beliau menyatakan kedua-dua perkara ilmu perniagaan ini bagaimanapun ada dimasukkan dalam sukatan pelajaran Sijil Tinggi Persekolahan, Kolej Islam dan sekolah-sekolah agama yang lain.

Senator Hajjah Salmah kesal kedua-dua perkara tersebut telah dikeluarkan dari mata pelajaran sekolah menengah tingkatan lima ke bawah.

Galakan

Beliau mencadangkan, kurangnya perkara muamalat dimasukkan semula sejajar dengan usaha menggalakkan rakyat mencebur diri dalam bidang perniagaan.

Dr. Mahathir mengesyorkan anggota tersebut mengemukakan cadangan beliau kepada Jawatankuasa Pelajaran Agama di Kementerian Pelajaran.

Dalam jawapan bertulisnya kepada Senator

Hajjah Tom Saudah Haji Othman, Menteri Pelajaran itu menyatakan di Semenanjung Malaysia sekarang terdapat 42,790 guru lelaki dan 30,832 guru perempuan.

Sementara guru-guru besar ialah 4,693 orang lelaki dan 330 perempuan.

Dr. Mahathir menerangkan, guru-guru Melayu ialah 24,581 lelaki dan 13,414 perempuan, China 13,398 lelaki dan 13,922 perempuan, India dan Pakistan 4,417 lelaki dan 2,954 perempuan dan lain-lain bangsa 394 lelaki dan 542 perempuan.

Guru-gurubesar pula, Melayu ialah 2,699 lelaki dan 89 perempuan, China 1,199 lelaki dan 143 perempuan, India dan Pakistan 755 lelaki dan 59 perempuan dan lain-lain 40 lelaki dan 39 perempuan.